

692 mangsa banjir di Batu Pahat dipindah

BATU PAHAT - Seramai 692 mangsa banjir dipindahkan di 10 pusat pemindahan di daerah ini berbanding 210 orang semalam.

Peningkatan itu dipercayai berlaku akibat peningkatan paras air Sungai Lenik di Chaah yang mencatatkan ketinggian 6.12 meter, melebihi paras bahaya enam meter setelah hujan lebat melanda daerah ini.

Portal banjir Majlis Keselamatan Negara menunjukkan pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan (SK) Agama Sri Tiga Serangkai menempatkan bilangan mangsa teramai iaitu sebanyak 240 orang diikuti Dewan Orang Ramai Parit Sentang Batu (119) dan SK Tiga Serangkai, kesemuanya di Parit Sulong.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, tiada sekolah menengah yang terjejas akibat banjir di daerah ini sehingga pukul 5 petang semalam.

"Esok (hari ini) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tetapi saya dimaklumkan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat bahawa tiada sekolah menengah yang terjejas banjir," katanya ketika dihubungi.

Bagaimanapun, beliau berkata, sekiranya calon SPM itu menjadi mangsa banjir, pelajar itu boleh dipindahkan ke sekolah lain yang mempunyai asrama atau rumah berdekatan pusat peperiksaan.

"Sekiranya bermasalah di pusat pemindahan banjir, pelajar itu wajar memaklumkan kepada pegawai bertanggungjawab supaya dapat dipindahkan ke sekolah lain yang mempunyai asrama atau rumah lain misalnya rumah guru.

"Pegawai bertanggungjawab juga akan menyediakan pengangkutan ke pusat peperiksaan jika keadaan memerlukan.

"Namun, jika sekolah terjejas banjir, pegawai bertanggungjawab akan membenarkan pelajar itu menduduki SPM di pusat peperiksaan lain yang berdekatan," katanya.